

09/01/1999

Pemilihan MT ditangguh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno pada Perhimpunan Agung Umno Jun ini, ditangguhkan bagi membolehkan Umno membuat persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pemilihan itu akan diadakan dalam tempoh 18 bulan selepas Perhimpunan Agung Umno berkenaan.

Beliau berkata, keputusan penangguhan pemilihan itu dicapai sebulat suara dalam mesyuarat MT malam ini bagi membolehkan Umno menumpukan kepada pilihan raya yang perlu diadakan tidak lewat April tahun 2000.

"Mengikut undang-undang tubuh Umno, pemilihan itu boleh ditangguhkan 18 bulan dari tarikh kita mengadakan mesyuarat agung.

"Kalau kita mengadakan mesyuarat agung pada Jun, bermakna 18 bulan dari tarikh itu," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Dr Mahathir berkata, selaras penangguhan pemilihan itu, semua ahli MT sekarang akan kekal.

Perdana Menteri berkata, MT juga bersetuju mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri manakala jawatan Timbalan Presiden Umno tidak akan diisi sehinggalah pemilihan.

Beliau berkata, mesyuarat turut membincangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh parti, termasuk keadaan ekonomi, politik dan jangka masa pendek sebelum kerajaan mengadakan pilihan raya selepas Perhimpunan Agung Umno.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sabbaruddin Chik, berkata penangguhan pemilihan anggota MT bertujuan memberi tumpuan kepada aktiviti Umno, terutama dalam mengukuhkan parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Penangguhan ini bermakna tidak ada pemilihan dalam parti, apabila tidak ada pemilihan, kita boleh perkukuhkan parti," katanya.

Beliau berkata, penangguhan seperti itu bukan perkara baru kerana ia pernah dilakukan sebelum Umno diisytihar tidak sah pada 1987.

Pemilihan MT diadakan tiga tahun sekali. Selain untuk 25 anggota MT, pemilihan juga adalah bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan tiga Naib Presiden.

(END)